

04 DEC 2000

Mahathir-Ekonomi

MALAYSIA AKAN TETAP DENGAN CARANYA MENGENDALIKAN EKONOMI NEGARA

PUTRAJAYA, 4 Dis (Bernama) -- Malaysia akan tetap dengan caranya sendiri dalam mengendalikan ekonomi negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata Malaysia merupakan sebuah daripada sebilangan kecil negara membangun yang mampu untuk menguruskan ekonominya dengan baik dengan mengambilkira struktur masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

"Kami berharap untuk mengekalkan cara kami sendiri dalam mengendalikan ekonomi kami kerana ia dirancang untuk kebaikan Malaysia sendiri," katanya kepada kira-kira 15 anggota Kelab Akhbar Kebangsaan Jepun di sini.

Rombongan yang diketuai Mikio Haruna daripada Kyodo News Services itu berada di sini untuk meninjau kemajuan terkini pembangunan ekonomi dan politik Malaysia.

Dr Mahathir berkata buat masa ini Malaysia sedang pulih dengan baik daripada krisis ekonomi dan kewangan serantau dan akan mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi.

"Kami buat masa ini dalam keadaan baik. Pemulihan berjalan dengan baik dan benar. Kami akan berupaya maju dengan kadar pertumbuhan yang tinggi walaupun kami tidak dapat memberi jaminan malapetaka tidak akan berlaku jika ekonomi dunia terjejas," katanya.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata pemulihan ekonomi Malaysia adalah lebih baik berbanding negara yang meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan menegaskan bahawa Malaysia sentiasa percaya bahawa terdapat lebih daripada satu cara untuk menyelesaikan sebarang masalah.

Katanya Malaysia menolak penyelesaian IMF kerana ia akan meletakkan ekonomi pada landasan yang lebih teruk dengan kadar faedah yang tinggi, belanjawan berlebihan dan kes-kes bankrap melibatkan lebih banyak syarikat.

Dr Mahathir berkata pasaran saham Malaysia yang pada satu ketika kerugian kira-kira US\$200 bilion dalam pasaran modal, kini pada hakikatnya menunjukkan pencapaian yang lebih baik berbanding pasaran serantau yang lain.

"Sebenarnya pasaran saham Malaysia telah membuat pencapaian yang jauh lebih baik berbanding semua pasaran Asia Timur tetapi masih belum pulih sepenuhnya," katanya.

Dr Mahathir berkata kadar tetap tukaran berjalan baik tanpa sebarang implikasi negatif terhadap ekonomi negara.

"Buat masa ini kadar tetap tukaran tidak mendatangkan sebarang keburukan kepada kami, tidak membawa keburukan kepada pelabur di Malaysia atau keburukan kepada perdagangan antarabangsa kami, jadi kami tidak nampak kenapa kami perlu mengubahnya," katanya.

Menjawab soalan mengenai Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG), Dr Mahathir berkata ia dicadangkan kerana Eropah telah bersatu sebagai Kesatuan Eropah begitu juga dengan negara-negara Amerika Utara di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta).

"Adalah tidak patut mereka membentuk kumpulan ekonomi yang besar seperti itu dan tidak membenarkan negara-negara Asia Timur bersatu sekurang-kurangnya untuk membincangkan masalah bersama dan menyatakan pendirian bersama pada persidangan-persidangan antarabangsa," kata Dr Mahathir.

Katanya adalah tidak mustahil bagi negara-negara kecil malahan Asean untuk memberikan impak dalam bidang-bidang seperti struktur baru kewangan

tanpa menyeratai tiga negara Asia Timur itu untuk mengimbangi kekuatan negara-negara Eropah.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai trend syarikat-syarikat pengeluar di Malaysia yang memindahkan operasi mereka ke China.

Katanya pada peringkat awal perindustrian, Malaysia telah memberikan keutamaan untuk mewujudkan peluang pekerjaan tetapi kini sasaran itu telah dicapai dan negara sedang bertukar kepada industri teknologi tinggi dan tidak lagi memberi tumpuan kepada industri berasaskan buruh.

"Sebenarnya kami menyambut baik perpindahan industri berasaskan buruh ke negara lain kerana kami mahukan pekerja kami mencari pendapatan lebih dnegan melakukan kerja-kerja teknikal dan pekerja asing juga tidak perlu datang ke negara ini." katanya.

Mengenai China, Dr Mahathir berkata ia akan muncul sebagai sebuah kuasa besar ekonomi di bahagian sebelah sini dan tiada siapa boleh menghalangnya daripada tumbuh sebagai sebuah kuasa ekonomi kerana rakyatnya rajin dan mempunyai kemahiran yang diperlukan.

"Oleh itu Asia Timur haruslah mengambil alih sebagai ekonomi serantau yang setaraf dengan Eropah dan Amerika Syarikat," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isu pelampau agama di negara ini.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa bekas timbalannya itu tidak dipecat kerana perselisihan pendapat dalam isu politik dan ekonomi.

"Beliau dipecat kerana moralnya yang tidak dapat diterima oleh kami dan orang seperti itu tidak boleh menggantikan saya sebagai perdana menteri," katanya.

"Saya dapati kini beliau (Anwar) telah dapat membina sokongan bagi dirinya dan bukan untuk parti (ketika Anwar di dalam Umno) dan telah menggunakan semua bentuk pembohongan untuk cuba dan menjatuhkan kerajaan. Sudah tentu beliau menggunakan agama dan perkauman untuk menjatuhkan kerajaan."

Malangnya ada orang yang mempercayai beliau dan disebabkan itu kami kalah pada pilihan raya baru-baru ini (pilihan raya kecil Lunas), katanya.

Dr Mahathir juga berkata beliau tidak mempunyai kuasa untuk membebaskan Anwar yang kini menjalani hukuman penjara kerana kesalahan rasuah dan liwat.

"Kini saya telah diminta membebaskan beliau, saya tidak mempunyai kuasa untuk membebaskan beliau. Satu-satunya yang boleh beliau lakukan ialah merayu terhadap hukuman itu di mahkamah dan jika beliau gagal, kemudian merayu kepada Raja yang mungkin mengampunkan atau membenarkannya menghabiskan tempoh hukuman," katanya.

-- BERNAMA

RV RV RON